

17/10/2000

Ahli Parlimen perlu hadir sidang: PM

Ebi Azly Abdullah; Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Barisan Nasional (BN) akan mengambil kira kehadiran ahli Parlimennya di sesi persidangan Dewan Rakyat dalam menentukan senarai calonnya pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ketika mesyuarat pramajlis BN pagi ini, semua ahli Parlimen BN sekali lagi diingatkan bahawa jumlah kehadiran mereka pada sesi Dewan Rakyat akan diawasi dengan teliti.

"Saya pesan kat dia orang (mereka) kita akan catat nama mereka (sepanjang persidangan ini berjalan) dan ini akan diambil kira untuk pencalonan (pilihan raya) nanti," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di Parlimen, hari ini.

Mesyuarat ketiga penggal kedua Dewan Rakyat ke-10, bermula hari ini sehingga 20 Disember.

Isu ketiadaan korum sering menjadi persoalan pada sidang Dewan Rakyat sebelum ini apabila jumlah ahli yang tidak mencukupi menjejaskan perjalanan persidangan walaupun loceng dibunyikan sebagai tanda amaran.

Dewan Rakyat memerlukan kehadiran 26 anggota untuk mencukupkan korum. Ketika ini, ada 193 ahli Dewan Rakyat termasuk 45 anggota pembangkang.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, walaupun ahli Parlimen berkenaan tidak disenarai hitam, nama mereka tidak akan tersenarai dalam barisan calon akan datang.

"Bukanlah senarai hitam tapi mungkin tak adalah nama dia (dalam senarai calon)," katanya.

Tinjauan pada hari pertama persidangan mendapati, jumlah kehadiran yang tinggi di kalangan anggota parlimen BN dan pembangkang kecuali di sebelah petang.

Difahamkan, sebahagian ahli Parlimen daripada Umno terpaksa menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu yang bermula jam 2.30 petang.

Bagaimanapun, sebahagian besar anggota pembangkang daripada Pas, Keadilan dan DAP tetap berada di dewan sehingga tamat persidangan.

Pada mesyuarat kali ini, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dijadual membentangkan Belanjawan 2001, pada 27 Oktober ini. Selain itu, enam rang undang-undang dikemukakan kepada dewan, untuk bacaan kali pertama.

Rang undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000; Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000; Rang Undang-undang Pengangkatan (Pindaan) 2000; Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2000; Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2000 (No 2) 2000; dan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000.

(END)